

03 NOV 2001

Shahrizat-Keganasan

WANITA MESTI MAIN PERANAN PERANGI KEGANASAN, KATA SHAHRIZAT

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga Datuk Shahrizat Abdul Jalil hari ini mengajak setiap wanita memainkan peranan memerangi keganasan, bukan sahaja yang berlaku ke atas mereka, tetapi apa jua bentuknya.

Katanya, wanita mesti mengubah pemikiran mereka serta mempunyai keyakinan diri untuk memerangi gejala keganasan, dan tidak lagi memikirkan diri mereka sebagai mangsa keganasan yang tidak mampu berbuat apa-apa.

"Wanita harus melihat diri mereka sebagai pihak yang menang dan bukan lagi sebagai mangsa... ada keyakinan diri, jadi tidaklah orang ambil kesempatan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan kempen Organisasi Wanita Membanteras Keganasan (Ombak) peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, di Suria KLCC di sini.

Beliau berkata wanita negara ini tidak boleh membenarkan keganasan menjadi satu budaya dan mesti memainkan peranan untuk memeranginya dengan memberikan pendidikan serta kesedaran.

"Lihat apa yang telah berlaku di dunia sekarang...kita mesti kutuk keganasan, bukan setakat keganasan domestik, tetapi apa juga bentuk keganasan," katanya.

Shahrizat berkata statistik kes keganasan seperti mencabul kehormatan wanita, gangguan seksual, sumbang mahram, rogol, liwat dan pembunuhan kejam di negara ini semakin membimbangkan.

Oleh itu, katanya, program pendidikan dan kesedaran memerangi keganasan ini perlu dilakukan berterusan khususnya di peringkat akar umbi dan mendapat kerjasama setiap pihak, pertubuhan bukan kerajaan dan persatuan.

Ombak, sebuah organisasi di bawah Hal Ehwal Wanita (HAWA), dilancarkan di peringkat kebangsaan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 23 Julai lepas.

Kempen Ombak dilancarkan serentak di setiap negeri hari ini bagi menunjukkan suara lantang wanita Malaysia menentang keganasan.

Kempen yang menggunakan pelbagai cara seperti iklan, poster dan risalah itu bertujuan menyedarkan dan mendidik masyarakat mengenai masalah keganasan terhadap wanita dan menggerakkan setiap individu dalam masyarakat bertindak membanterasnya.

-- BERNAMA

HS ZS ZB